

Potensi besar tanaman kenaf

Pengusaha tanaman itu dijangka meningkat 50 peratus lagi

JASIN

Bilangan pengusaha tanaman kenaf di seluruh negara dijangka meningkat 50 peratus lagi daripada jumlah 1,200 yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, jangkaan itu berdasarkan kepada potensi besar penanaman komoditi itu dalam aplikasi komersial pelbagai industri, termasuk bahan mentah alternatif kepada industri



Shamsul Iskandar (dua, kanan) melihat produk dihasilkan daripada kenaf pada Program Bicara Kenaf dan Tembaku Negara di Kampung Sempang Pantai, Merlimau, semalam.

berasakan biokomposit, perabot, pembinaan dan automotif.

Sehubungan itu katanya, Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) sentiasa komited mendidik masyarakat dengan menyalurkan maklumat tepat mengenai industri itu, yang

boleh menjana pendapatan lumayan, selain memiliki potensi pada masa depan.

"Kita jangkakan dapat menarik minat lebih ramai golongan terutama petani dan belia bagi mengusahakan tanaman kenaf, yang mana kini mendapat sambutan menggalakkan di

beberapa negeri seperti Kelantan, Terengganu, dan Perlis.

"Oleh itu, kita mahu mengembangkan lagi penanaman ini di sekitar Negeri Sembilan, Melaka dan beberapa lokasi mengikut kesesuaian tanah, berikutan asas bagi mengusahakan

tanaman kenaf adalah di kawasan landai," katanya kepada pemberita pada Program Bicara Kenaf dan Tembaku Negara serta Majlis Menabur Benih Kenaf bersama Timbalan Menteri Industri Utama di kawasan seluas 8.5 hektar di Kampung Sempang Pantai, Merlimau di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi) LKTN, Idris Mohd Salleh.

Shamsul Iskandar berkata, pihak kementeriannya turut mempelawa pelabur tempatan dan asing menjalin kerjasama dengan LKTN dalam usaha membangunkan industri kenaf yang mempunyai pasaran besar di dalam serta luar negara.

"Kerajaan telah menye-

diakan pelbagai bantuan dan insentif bagi menggalakkan pembangunan industri kenaf agar pekebun kecil yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar dapat menjana pendapatan secara konsisten," katanya.

Sementara itu, beliau menyifatkan cadangan Kerajaan Melaka yang mahu membangunkan industri berasaskan koko di Pulau Besar di sini, sebagai idea bernas bagi penjenamaan produk pelancongan baharu di pulau tersebut.

"Kerajaan melalui Lembaga Koko Malaysia sedia bekerjasama untuk membantu, namun perlu mengenal pasti dari segi logistik bersepadu dan seterusnya menyusun pelan tindakan," katanya. - Bernama